

Semua Ahli Parlimen patut tolak PSP

KANGAR 8 Okt. - Seorang pemimpin PKR dari negeri ini, Mohammad Faisal Abd. Rahman menyifatkan perlaksanaan Program Subsidi Petrol (PSP) mulai 1 Januari tahun depan bakal memburukkan lagi keadaan ekonomi negara.

Soal Mohammad Faisal yang juga Timbalan Ketua PKR

Cabang Arau, adakah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail tidak melihat bahawa program tersebut bakal menyebabkan harga barangan, perkhidmatan serta pengangkutan meningkat?

Katanya, hal demikian secara tidak langsung juga bakal me-

nyebabkan harga petrol RON95 akan melambung tinggi di pasaran.

"Sepatutnya subsidi minyak wajib dinikmati oleh majoriti rakyat Malaysia dan bukan hanya disasarkan kepada golongan B40 sahaja.

"Saya melihat pelan ini akan memberikan implikasi buruk

kepada Pakatan Harapan (PH) yang memberikan cadangan yang amat tidak wajar. Saya mohon semua Ahli Parlimen menentang cadangan ini demi kebaikan negara," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Mengulas lanjut, bekas Pengerusi PKR negeri itu berkata, subsidi minyak sebanyak

RM30 sebulan hanya untuk golongan B40 selain hanya dilaksanakan di Semenanjung dilihat lebih teruk dengan apa yang ada sekarang.

"Memang cadangan yang tidak bertanggungjawab. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna gagal dan lupa diri," katanya.